

DATE: 11/12/2009

Kerajaan kaji pelbagai saranan sektor swasta

PM beri jaminan ambil langkah perlu untuk tingkat pelaburan

KUALA LUMPUR: Kerajaan akan mengkaji pelbagai saranan diuarakan oleh sektor swasta, seperti ketelusan dan pen-swastaan kompetitif, pasaran modal yang lebih menarik serta mengurangkan kadar jenayah dan rasuah, dalam usaha meningkatkan pelaburan.

Untuk itu, kerajaan juga akan mengkaji tadbir urus yang baik oleh kerajaan dan sektor swasta, demikian menurut kenyataan dikeluarkan Pejabat Perdana Menteri, semalam.

Jaminan ini dibuat selepas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak menemui pelabur dan usahawan terkemuka Malaysia bagi membincangkan strategi untuk menambah pelaburan domestik dan merangsang ekonomi.

"Objektif pertemuan ini ialah untuk merangsang pelaburan domestik dan meningkatkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak dua peratus selain mendapatkan pandangan sektor swasta mengenai cara merangsang pelaburan," kata kenyataan itu.

Usaha lain yang dilakukan oleh sektor swasta bagi menarik pelaburan ke negara ini, termasuk lebih banyak pendekatan bersepadu di kalangan kementerian dalam menangani keseimbangan sektor swasta, penembusan jalur lebar yang lebih tinggi dan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi serta melaksana kecekapan tenaga dan teknologi hijau.

Sektor swasta juga mencadangkan supaya perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di-



NAJIB (tiga dari kanan) sebelum mempengerusikan mesyuarat bersama ahli perniagaan Malaysia di Bangunan Perdana Putra, semalam. Turut sama (dari kanan) Menteri Kewangan Kedua, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop; Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Mustapa Mohamed; Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Mukhriz Mahathir dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Sidek Hassan.

beri bantuan untuk meningkatkan rangkaian nilai, menubuhkan pusat sehenti untuk pelabur domestik dan projek penswastaan yang sudah diluluskan, dilaksana segera.

Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (Mida) akan menjadi pusat sehenti untuk sektor pembuatan dan perkhidmatan manakala Unit Perancang Ekonomi akan menjadi pusat sehenti untuk projek-projek penswastaan.

Untuk 2010, kerajaan mengunjurkan pertumbuhan KDNK antara 2 dan 3 peratus.

Malaysia meluluskan pelaburan bernilai RM19.9 bilion dalam sektor pembuatan antara Januari dan September tahun ini.

Daripada jumlah itu, pe-

laburan langsung asing (FDI) bernilai RM12.5 bilion atau 62.8 peratus dan pelaburan domestik (DDI) bernilai RM7.4 bilion atau 37.2 peratus.

Pada 2008, pelaburan bernilai RM62.8 bilion diluluskan, dengan RM46.1 bilion (73.4 peratus) membabitkan FDI dan RM16.7 bilion (26.6 peratus) DDI.

Kenyataan itu menyebut sudah menjadi dasar kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai tempat menarik untuk pelabur asing dan tempatan menerusi pelbagai langkah yang diperkenal, termasuk konsep 1Malaysia, model ekonomi baharu, liberalisasi sektor perkhidmatan dan memansuhkan garis panduan Jawatankuasa Pelaburan Asing.

Langkah lain yang diambil

setakat ini ialah suntikan dua pakej rangsangan bernilai RM67 bilion, pengurusan kewangan berhemat dan peruntukan insentif khas serta meningkatkan persekitaran perniagaan.

"Kerajaan akan terus melaksanakan inisiatif baru dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10)," kata kenyataan itu.

Dalam memperkenalkan insentif baru, kerajaan menyambut baik idea daripada pelabur dan komuniti perniagaan bagi memudahkan dan meningkatkan pelaburan, dengan sektor swasta sebagai enjin pertumbuhan.

Kenyataan itu juga menyebut kerajaan akan mengambil kira pelbagai isu dan cadangan yang diketengahkan oleh sektor swasta. - Bernama